

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN MENULIS ESEI DAN**  
**KUIZ PELABURAN PERINGKAT KEBANGSAAN**  
**SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2001**  
**DI GRAND BALLROOM, HOTEL EQUATORIAL, BANGI**  
**2 MAC 2001**

-----

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana sudi menjemput saya merasmikan pelancaran Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001.

2. Kerajaan telah mengiktiraf Minggu Saham Amanah Malaysia sebagai agenda tahunan negara memandangkan perlaksanaannya adalah selari dengan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk mendidik rakyat negara ini, khususnya golongan bumiputera tentang bidang pelaburan. Saya difahamkan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 akan dilancarkan di Kelantan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 April ini.

3. Pada hemat saya, pendekatan yang digunakan oleh PNB dalam menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia adalah bijak dan amat berkesan. Melaluinya, orang ramai diberi pendedahan tentang kaedah, faedah dan kepentingan melabur, khususnya pelaburan dalam saham amanah. Pelaburan dalam saham amanah bukan sahaja mampu menawarkan pulangan yang baik malah risiko pelaburannya adalah minima jika dibandingkan dengan bentuk-bentuk pelaburan dan simpanan lain yang terdapat di pasaran. Di PNB misalnya, saham-saham amanah berharga tetap seperti Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Wawasan 2020 mencatatkan pulangan pelaburan yang kompetitif.

4. Adalah menjadi harapan saya agar Minggu Saham Amanah Malaysia ini berjaya melahirkan masyarakat yang celik pelaburan serta memahami akan hubung-kait antara risiko dan pulangan dari pelaburan. Untuk itu, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada PNB kerana pengalaman tahun lalu menyaksikan sambutan Minggu Saham Amanah Malaysia di atur dengan begitu kemas, menarik dan kreatif. Aktiviti-aktiviti yang diadakan pula menggamit penglibatan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur. Saya pasti keunikan inilah yang menjadikan Minggu Saham Amanah Malaysia agenda negara yang dinanti-nantikan setiap tahun. Usaha ini sudah pastinya akan memantapkan lagi kewibawaan PNB sebagai pengurus dana profesional yang unggul lagi disegani.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Banyak faktor yang mendorong orang ramai yakin dan terus menambah pelaburan dalam saham amanah PNB. Pertama, rakyat di negara kita ini telah bertambah makmur baik dari segi pendapatan mahupun dari segi taraf hidup. Kejayaan ini adalah hasil perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan yang dirancang dengan teliti oleh kerajaan. Sebab itu sumber pendapatan rakyat terus meningkat dan mempunyai lebih wang untuk melabur atau menabung.

6. Kedua, ialah kesedaran rakyat tentang pentingnya berjimat cermat dan menyimpan ketika mewah sebagai pelaburan pada hari muka. Yang ketiga ialah kesedaran rakyat tentang pentingnya memilih institusi-institusi yang berwibawa untuk melabur seperti Saham Amanah PNB yang memberi pulangan yang menguntungkan.

7. Faktor keempat dan yang terpenting sekali ialah kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada kemampuan pucuk pimpinan hari ini mentadbir negara dan ditambah pula oleh kestabilan politik dan ekonomi negara. Walaupun ada pihak cuba menggugat kestabilan ini tetapi majoriti rakyat telah menolak golongan ini. Bagi kerajaan yang penting ialah amanah dan keyakinan rakyat itu mesti dipikul dengan penuh tanggungjawab dan tidak diabaikan sama sekali. Oleh itu adalah juga menjadi tanggungjawab semua agensi kerajaan pula untuk melaksanakan apa jua program-program yang telah dirancang oleh kerajaan demi kebaikan semua pihak.

8. Kepada PNB yang telah menjadi sebagai sebuah institusi pelaburan terbesar di negara ini diharapkan tidak dilalaikan dengan kejayaan yang lepas-lepas. Sebaliknya kejayaan itu hendaklah dijadikan penggalak untuk terus kita bertapak dengan lebih yakin, telus dan cekap lagi.

9. Saya amat berbangga kerana diberi penghormatan untuk melancarkan pertandingan menulis esei dan kuiz pelaburan yang merupakan aktiviti paling awal diadakan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001. Melalui pertandingan-pertandingan seumpama ini, kefahaman orang ramai tentang pelaburan saham amanah dan kepentingannya kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertingkatkan. Malah penyertaan untuk kedua-dua pertandingan ini adalah meluas merangkumi para pelajar, pendidik, media dan golongan profesional. Sudah pastinya usaha PNB untuk menerapkan pendidikan pelaburan secara berterusan amat bertepatan dan kena pada masanya.

10. Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan ini bagi saya adalah penting. Ia bukan sahaja untuk menguji pengetahuan kita mengenai pelaburan dan sebagainya, ia turut juga menguji kemampuan kita menulis esei yang berbentuk ilmiah yang tinggi nilainya untuk dijadikan sumber bacaan kepada masyarakat kita yang dahagakan ilmu pengetahuan. Amatlah bertepatan esei-esei yang memenangi peraduan ini diterbitkan dalam bentuk buku. Penerbitan seperti ini diharapkan akan tersebar meluas kepada masyarakat yang boleh dijadikan bahan bacaan umum kerana ia dapat memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai pelaburan dan ekonomi.

11. Sebenarnya kita masih kekurangan buku-buku karya berbentuk pelaburan dan ekonomi dalam bahasa Malaysia. Kita lebih banyak bergantung kepada bahan-bahan bacaan yang sebahagian besarnya ditulis oleh bangsa asing yang penulisnya mengikut budaya, pandangan dan pengalaman mereka. Mereka kurang memahami situasi negara kita justeru mereka menulis apa yang mereka lihat dan bukan apa yang mereka tahu mengenai negara, ekonomi dan politik kita. Fakta-fakta diputarbelitkan untuk memihak kepada mereka. Secara langsung ia boleh menakutkan pelabur-pelabur untuk melabur di negara kita.

12. Pada zaman moden atau dalam era digital ini, ilmu adalah amat penting. Ilmu bukan sahaja boleh diperolehi melalui pembacaan buku tetapi ilmu lebih mudah lagi diperolehi melalui internet. Masyarakat yang tidak berilmu adalah masyarakat yang jahil dan tidak akan mengecap kebahagiaan. Mereka hanya hidup untuk minum,

makan, tidur dan memenuhi nafsu sahaja. Dan golongan yang tidak berilmu ini mudah dipengaruhi, diperalat dan ditindas oleh golongan yang berpengetahuan. Mereka menerima bulat-bulat apa yang dikatakan oleh golongan yang berilmu ini sedangkan apa yang diperkatakan itu mungkin tidak benar atau diputarbelitkan.

13. Kita kini lebih mudah terdedah kepada banyak perkara, yang baik dan yang buruk. Perkembangan- perkembangan ini mempunyai kesan terhadap kehidupan kita. Mereka yang lebih pengetahuan akan menjadi waras dan cekap untuk memberi reaksi terhadap segala kejadian yang boleh membawa kesan kepada dirinya dan jua masyarakat. Hanya masyarakat yang waras dan bertanggungjawab akan menjadi lebih maju dan hidup bahagia.

14. Kita melihat ilmu hanya sebagai alat untuk mencapai sesuatu kehidupan yang bahagia. Sebenarnya ilmu itu tidak bermaya. Tetapi ilmu menjadi tenaga penggerak yang penting apabila tuan punya ilmu mempunyai cita-cita dan hasrat serta didorongkan dengan semangat dan kekuatan rohaniah bagi mencapai sesuatu matlamat. Jadi, ilmu pengetahuan bagi orang Islam yang beriman akan digunakan untuk mencapai keredaan Allah S.W.T. Tetapi ilmu yang sama itu dipunyai oleh orang yang tidak beriman mungkin digunakan untuk jenayah dan lain-lain lagi. Sebab itu apabila muncul skim cepat kaya, maka orang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan mengenai pelaburan cepat terjebak kerana kononnya dijanjikan keuntungan yang besar. Matlamat akhirnya ialah untuk mendapat keuntungan tetapi menerima kerugian yang besar kerana wang yang dilaburkan lesap. Penganjurnya juga telah melakukan satu kesalahan jenayah yang mesti dihukum.

15. Saya berharap masyarakat kita tidak lagi mudah terpengaruh dengan skim cepat kaya ini. Kerajaan telah mengadakan pelbagai skim saham amanah yang menguntungkan. Wang yang kita laburkan itu selamat serta memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan kita untuk masa depan kita dan keluarga kita. Kepada masyarakat bumiputera kita harus terus menambah pelaburan kita dalam skim-skim saham amanah PNB ini. Kita sekarang sedang menghadapi saingan yang hebat dengan bukan bumiputera dari segi bidang ekonomi. Kita tidak ada pilihan lain bagi meningkatkan status kita itu melainkan dengan meningkatkan taraf sosioekonomi kita. Jika kedudukan ekonomi kita teguh maka kita tidak akan merasa rendah diri dan akan dihormati lagi. Tambahlah pelaburan sebanyak yang termampu. Itulah harapan saya.

16. Usaha PNB menganjurkan pertandingan menulis esei ini ada kaitannya dengan ilmu. Menulis esei mungkin mudah tetapi untuk menguatkan hujah dalam penulisan esei bukan mudah jika kita tidak mempunyai ilmu yang mendalam mengenai sesuatu perkara itu, misalnya mengenai ekonomi dan pelaburan. Sebab itu ilmu itu penting dan ilmu itu boleh diperolehi melalui pembacaan buku. Buku adalah jambatan yang menghubungkan kita dengan alam persekitaran, masyarakat kita dan juga dengan dunia luar. Malangnya tidak ramai yang suka membaca. Ini yang menyedihkan saya.

17. Saya berharap pertandingan kali ini mendapat sambutan lebih menggalakkan lagi. Saya juga ingin menyeru pihak Kementerian Pendidikan dan guru-guru dan para pensyarah menggalakkan penuntut dan pelajar- pelajarnya menyertai pertandingan ini. Manakala guru, ahli akademik, golongan profesional dan wartawan diharap menggunakan peluang ini untuk menyampaikan idea- idea yang membangun lagi kritis bagi meningkatkan perkembangan industri saham amanah di negara ini. Mereka ini seharusnya menerajui peranan sebagai pemikir untuk menggaris strategi pembangunan negara.

18. Saya berharap agar masyarakat menunjukkan minat dan meluangkan masa untuk menyertai bukan sahaja pertandingan menulis esei dan kuiz pelaburan malah semua aktiviti yang diadakan sempena sambutan Minggu Saham Amanah Malaysia antaranya, program "Kenali PNB", pertandingan pelaburan, pertandingan debat dan pameran.

19. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan bagi pihak kerajaan Malaysia kepada PNB, Kementerian Pendidikan dan semua pihak yang telah bekerjasama untuk menjayakan pertandingan-pertandingan ini.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001.

Terima kasih.